



KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI



SIARAN MEDIA



MAJLIS PELABURAN NEGARA MELULUSKAN DASAR INISIATIF PEMBANGUNAN
KLUSTER INDUSTRI BAGI MEMACU PELABURAN BERSASAR

Mesyuarat Majlis Pelaburan Negara (MPN) Bil. 7/2024, yang telah dipengerusikan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 16 Oktober 2024, secara dasarnya telah bersetuju untuk mengambil pendekatan Pembangunan Kluster Industri, sejajar dengan objektif Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

Inisiatif ini akan bermula dengan pembangunan kluster industri di Wilayah Tengah, merangkumi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor Darul Ehsan, Negeri Sembilan Darul Khusus dan Melaka, yang telah mencatatkan konsentrasi industri yang tinggi, terutamanya dalam sektor Elektrik & Elektronik, aeroangkasa, farmaseutikal, dan teknologi makanan.

Seiring dengan aspirasi Ekonomi MADANI yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri, Pembangunan Kluster Industri di Wilayah Tengah ini bakal menyumbang kepada peningkatan beberapa ukuran makro ekonomi negara, termasuk:

	Pencapaian kolektif Wilayah Tengah (2023)	Anggaran peningkatan tahunan bagi tempoh 2025 – 2030*
Sumbangan kepada KDNK	RM754.2 bilion	+ RM24.5 bilion
Peningkatan Purata Nilai Pelaburan	RM7.57 bilion	+ RM12.5 bilion
Purata Peningkatan Peluang Pekerjaan	4,380	+ 6,000

**Anggaran kasar, akan diperhalusi.*

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz berkata, “Inisiatif strategik ini bertujuan **memperkukuhkan Malaysia** sebagai **hab pelaburan, pembuatan dan perkhidmatan bagi beberapa sektor tumpuan**. Dalam hal ini, Kerajaan bertekad untuk **membangunkan kluster industri bersasar** bermula dengan **Wilayah Tengah** berdasarkan kekuatan sedia ada. Ini bermakna kita **tidak perlu mewujudkan Pihak Berkuasa Koridor (PBK)** atau menambah bebanan kewangan baharu ke atas Kerajaan Persekutuan, sekaligus **menjimatkan kos pentadbiran, dan peruntukan fiskal, disamping kita dapat memanfaatkan insentif sedia ada.**”

“Saya yakin dengan koordinasi rapat antara MITI, Kementerian dan Agensi lain serta Kerajaan-Kerajaan Negeri, pendekatan kluster industri ini akan dapat **menarik pelaburan tambahan, mencipta peluang pekerjaan baharu, meningkatkan ekonomi setempat, serta menggalakkan pertumbuhan saksama dan inklusif,**” sambung Tengku Zafrul.

Model pembangunan kluster industri berprestasi tinggi ini telah dilaksanakan dengan jayanya di beberapa negara maju dan MITI akan memastikan usaha senegara (*whole-of-nation*) serta penerapan amalan terbaik global (*global best practices*) sebagai tunjang utama dalam pelaksanaan inisiatif ini.

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN & INDUSTRI

17 Oktober 2024

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.



603-8000083



www.miti.gov.my



webmiti@miti.gov.my



MITI
MALAYSIA



PEMACU POTENSI GLOBAL